

BAB II

TINJUAN HASIL KAJIAN/PENULISAN YANG BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Remaja seringkali menjadi fokus penulisan pengkaji-pengkaji dari pelbagai negara. Di negara-negara barat, kajian-kajian mengenai remaja telah dilakukan seawal tahun tiga puluhan lagi. Kajian-kajian ini yang memberi penumpuan kepada pelbagai aspek kehidupan remaja telah berjaya mengenalpasti banyak masalah yang dihadapi oleh mereka. Tetapi di Malaysia, usaha untuk menjalankan kajian ke atas remaja, hanya dibuat pada awal tahun tujuh puluhan sahaja. Selain daripada beberapa pensyarah dan penuntut universiti tempatan, tidak begitu ramai pengkaji yang cuba meneroka masalah remaja.

Dalam bab ini beberapa penulisan dan kajian yang berkaitan dengan topik penyelidikan ini akan ditinjau dan dibincangkan. Bagi maksud mempermudah perbincangan, tinjauan kajian dan penulisan yang berkaitan akan dibahagikan kepada dua:

- i. Definisi remaja dan kepentingan mengkaji mereka.
- ii. Tinjauan terhadap masalah utama remaja bersekolah.

2.1 Definisi Remaja dan Kepentingan Mengkaji Mereka

Secara umumnya, remaja adalah satu peringkat peralihan individu dari seorang kanak-kanak kepada seorang dewasa. Malm dan Jamison (1956) mentakrifkan remaja sebagai peringkat ketika berlakunya beberapa perubahan seksual akibat penghasilan hormon yang aktif.

Holmes (1964) pula mendefinisikan remaja sebagai individu yang berumur di antara 12 hingga 18 tahun. Manakala Gardner (1957) mengklasifikasikan remaja sebagai berumur di antara 11 atau 12 hingga 17 atau 19 tahun. Dalam masyarakat Amerika moden, remaja merangkumi umur bermulanya pencapaian akil baligh ke tahap apabila individu menjalankan tanggungjawab seorang dewasa. (Crow, 1956).

Pengkaji-pengkaji seperti Havinghurst (1948) dan Wattenberg (1973) mendefinisikan peringkat remaja dari segi penguasaan terhadap tugas-tugas perkembangan tertentu. Menurut Wattenberg (1973), remaja adalah individu yang telah berjaya membebaskan diri dari struktur personaliti kanak-kanak, boleh menyesuaikan diri dengan kumpulan sebaya, berjaya memperolehi tahap kawalan emosi dan minda, berupaya membuat penyesuaian antara jantina, berupaya membentuk dan mencuba skil baharu, berjaya mencapai emansipasi dan juga memperolehi idea yang lebih jelas tentang diri sendiri. Mengikut Crow (1956) pula, seseorang itu boleh dianggap sebagai remaja jika dia mula mengambil peranan orang dewasa dan mengikuti kod perlakuan orang dewasa.

Stanley Hall (1956) dalam penulisannya bertajuk 'Adolescence' menggambarkan zaman remaja sebagai satu tahap di mana individu mengalami pergolakan dalam dirinya.

Pergolakan ini menimbulkan rasa keraguan dan tidak pasti di dalam diri individu itu. Menurutnya lagi, peringkat ini merupakan satu keadaan peralihan di mana seseorang individu meninggalkan alam kanak-kanak dan mula menapak ke alam dewasa. Dalam proses menyesuaikan diri dengan dunia baru ini, mereka menemui pelbagai masalah, khususnya dari segi emosi dan kendiri. Inilah masanya seseorang individu mengalami perubahan dari segi fizikal, psikologi, seksual dan sosial.

Ahli-ahli sosiologi dan antropologi pula menganggap peringkat remaja sebagai peringkat paling penting dalam kehidupan seseorang individu. Ini adalah kerana ianya merupakan satu masa sosialisasi yang intensif di mana individu mempelajari peranan sosial, seksual dan vokasional mereka. Menyedari kepentingan peringkat remaja ini, kebudayaan tertentu mengadakan upacara besar-besaran bagi mengalu-alukan peralihan seorang kanak-kanak ke alam dewasa. Upacara ini dikenali sebagai 'the rites of passage'. (Sigelman, Shaffer, 1995).

Apapun definisi pengkaji-pengkaji mengenai remaja, sepembara yang jelas ialah ianya adalah merupakan satu tahap hidup di mana individu mengalami pelbagai perubahan dari segi emosi, pemikiran dan fizikal. Ia adalah tahap transisi yang paling penting dan bermakna dalam kehidupan seseorang individu. Oleh itu, adalah amat penting bagi setiap individu melakukan penyesuaian yang ideal pada peringkat hidup ini. Menurut

Rogers (1969), remaja merupakan masa yang kritikal bagi mengubah perlakuan-perlakuan tidak sihat daripada berkekalan. Ini bermakna bahawa inilah masa yang paling baik bagi memupuk sifat-sifat positif pada diri remaja, supaya masa hadapan mereka terjamin.

Oleh kerana itulah, kajian mengenai remaja itu dianggap penting, kerana dengan mengenalpasti dan memahami kehendak, kebimbangan dan masalah mereka, sesuatu yang bermakna dapat dilakukan untuk membantu mereka menjadi individu yang sebaik mungkin. (Malm & Jamison, 1952).

Perkara yang tidak dapat dipertikaikan ialah, dalam era siber dan teknologi maklumat ini, keperluan mengkaji remaja dan masalah mereka menjadi lebih penting lagi. Remaja terdedah kepada pelbagai elemen yang mengelirukan serta mudah mempengaruhi mereka.

Kajian yang dilakukan di luar negara dan di Malaysia mendapati bahawa remaja sememangnya menghadapi pelbagai masalah. Bailey dan Robertson (1962) dalam kajian mereka mendapati bahawa, masalah utama yang dihadapi oleh remaja bersekolah ialah masalah pelajaran, personaliti, perancangan dan pemilihan kerjaya, masalah penyesuaian fizikal dan juga masalah keluarga. Dalam satu kajian yang serupa, Cole dan Hall (1970) mendapati bahawa pelajar sekolah berumur di antara 14 hingga 17 tahun kebanyakannya menghadapi masalah pelajaran, kewangan, kesihatan, masalah keluarga dan masalah penyesuaian dengan rakan sebaya.

Dalam kajiannya yang menggunakan soal selidik Mooney (Mooney Problem Checklist), Mustaffa Fahmi (1959), seorang pengkaji dari Mesir mendapati bahawa pelajar di negara ini menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam menjalani kehidupan seharian. Masalah yang kerap kali dinyatakan oleh pelajar yang disoal selidik ialah masalah tidak dapat menumpukan perhatian pada pelajaran, tiada maklumat mengenai peluang melanjutkan pelajaran dan peluang kerjaya, masalah peribadi, emosi dan keagamaan serta masalah suka berkhayal.

Dalam kajiannya terhadap 687 pelajar remaja Indonesia, Zakiah Daradjat (1974) mendapati bahawa pelajar-pelajar ini menghadapi masalah dari segi kerjaya, sekolah, kewangan, jantina, keluarga, emosi, agama dan moral serta masalah pelajaran.

Di arena tempatan pula, kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan juga mendedahkan fenomena yang sama iaitu kehidupan remaja dibelenggu pelbagai masalah. Dalam kajian Rohana Zubir (1974) terhadap pelajar-pelajar tingkatan empat sekolah kerajaan di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, didapati bahawa pelajar-pelajar menghadapi pelbagai masalah, terutamanya dari segi pelajaran, kerjaya, peribadi, kesihatan, perkahwinan, keluarga dan juga perkembangan fizikal. Malah kajian Chiam (1978) terhadap pelajar-pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah kerajaan di bandar-bandar besar di Malaysia juga mendedahkan dapatan yang lebih kurang serupa. Pelajar lelaki di sekolah-sekolah ini menghadapi pelbagai masalah di sekolah dan di luar sekolah. Di antara masalah-masalah itu ialah dari segi penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah, perhubungan peribadi-piskologi, kesihatan dan perkembangan fizikal

perkahwinan dan seks serta juga masalah berkaitan soal-soal agama dan moral. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia menghadapi pelbagai masalah yang menyebabkan sebahagian dari mereka terbiar, terlalu bebas dan ketagih kasih sayang.

Dalam kajiannya terhadap beberapa sekolah swasta di Kelantan, Zawahil Nor (1993) mendapati bahawa pelajar-pelajar sekolah swasta menghadapi masalah-masalah yang kompleks diakibatkan pendedahan mereka yang lebih kepada gaya hidup ala-barat. Nazirah Haji Mat (1987) dalam kajian yang serupa, mendapati bahawa pelajar sekolah swasta menghadapi pelbagai masalah. Melalui analisis terhadap soal selidik yang diedarkan kepada pelajar, beliau mendapati bahawa sebahagian besar pelajar di sekolah swasta merasa bahawa disiplin di sekolah terlalu mengongkong mereka dan ianya tidak sesuai dengan jiwa mereka yang telah biasa hidup bebas dan berbuat apa-apa sahaja yang mereka sukai. Pelajar-pelajar ini juga merasa bahawa tiada salah jika mereka bergaul bebas di antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Mereka juga berpendapat bahawa jika seseorang pelajar itu terkongkong, berpakaian menutup aurat, maka dia dianggap sebagai 'out of date'. Beliau berpendapat bahawa pelajar-pelajar ini yang diberi terlalu banyak kebebasan menjadi begitu bebas dan sukar dikawal.

Jika demikian halnya, pendapat-pendapat mengenai masalah keruntuhan moral yang kian menjadi-jadi itu, harus dianalisiskan kembali. Ini adalah diantara ketidakseimbangan dalam masyarakat remaja kita yang harus dibanteras dan masih sempat diperbaiki.

Melalui kajian dan penulisan yang telah dibincangkan setakat ini, jelaslah bahawa remaja bersekolah menghadapi pelbagai masalah. Walaupun bukan semua pelajar menghadapi masalah yang boleh menjejaskan masa hadapan mereka, tetapi jika masalah ini tidak ditangani dengan baik, ia boleh meninggalkan kesan yang negatif ke atas diri seseorang individu. Oleh itu adalah amat penting mengadakan kajian-kajian mengenai remaja, terutama remaja bersekolah. Kajian-kajian seperti ini sudah tentu dapat membantu pihak-pihak tertentu, memahami serta mengatur rancangan-rancangan berkesan bagi membantu pelajar yang bermasalah.

2.2 Tinjauan Terhadap Masalah Utama Remaja Bersekolah

Kehidupan pelajar remaja pada hari ini merupakan satu pergolakan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka yang sentiasa berubah. Dalam pergolakan ini, seringkali mereka berhadapan dengan pelbagai masalah. Kebolehan mereka menghadapi dan menangani masalah ini adalah bergantung kepada individu itu sendiri serta juga interaksinya dengan individu lain di persekitarannya.

Bahagian ini akan meninjau kajian dan penulisan mengenai masalah yang sering membelenggui pelajar. Masalah pelajar bolehlah dikelompokkan kepada enam kelompok yang utama, iaitu:

- i. masalah kesihatan dan perkembangan fizikal
- ii. masalah keluarga

- iii. masalah sosial, moral dan rakan sebaya
- iii. masalah pelajaran dan sekolah
- iv. masalah kerjaya
- v. masalah kewangan

2.2.1 Masalah Kesihatan dan Perkembangan Fizikal

Apabila seseorang pelajar mengalami perubahan dari segi fizikal dan psikologi pada peringkat remaja, dia memasuki satu fasa hidup yang mengelirukan. Ini kerana remaja pada tahap ini tidak tahu bagaimana hendak mengubah diri secara otomatik menjadi lebih dewasa. (Hurlock, 1973). Malah menurut Hurlock, perubahan fizikal pada diri remaja mengakibatkan pelbagai perubahan dalam tingkahlaku mereka. Minat mereka mula berubah dan ini sering menjejaskan penyesuaian sosial dan peribadi mereka.

Pada tahap ini, kesihatan juga memainkan peranan dalam hidup pelajar remaja. Pemakanan yang seimbang mempengaruhi perkembangan fizikal dan tahap penentangan individu itu. Menurut McCandless (1970), tabiat pemakanan pelajar bergantung kepada taraf kehidupan dan status sosio ekonomi keluarganya. Menurut beliau lagi, ini adalah merupakan sebab mengapa perkembangan fizikal pelajar dari kelas sosio-ekonomi bawahan selalunya lebih lewat dibandingkan dengan pelajar dari kelas sosio ekonomi pertengahan dan atasan. Malah kajian-kajian yang dilakukan oleh Hoffman (1968) dan Tanner (1970) juga menyokong dapatan kajian Candless. Implikasinya di sini ialah, pelajar yang tidak mendapat pemakanan yang seimbang, menghadapi pelbagai masalah

kesihatan. Lebih penting lagi, tumbesaran fizikal mereka terjejas akibat tabiat pemakanan mereka itu, menyebabkan tekanan emosi dan psikologi yang tinggi. (Garrison, 1965).

Pendapat Garrison ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Jones dan Bailey (1950), ke atas pelajar lelaki yang cepat mencapai kematangan fizikal dan juga pelajar lelaki yang lewat mencapai kematangan fizikal. Kajian perbandingan Jones dan Bailey ini menunjukkan bahawa, pelajar lelaki yang cepat mencapai kematangan fizikal selalunya lebih popular di sekolah, lebih berkeyakinan diri dan kurang menghadapi masalah dibandingkan dengan golongan pelajar lelaki yang lewat mencapai kematangan fizikal. Mereka juga lebih bertanggungjawab dan berupaya bertindak seperti orang dewasa. Tetapi pelajar lelaki yang lewat mencapai kematangan fizikal pula mempunyai konsep sendiri yang negatif, pemalu dan menghadapi pelbagai masalah di sekolah.

Di kalangan pelajar perempuan pula, mereka yang cepat mencapai kematangan fizikal menghadapi lebih banyak masalah dibandingkan dengan pelajar perempuan yang lewat mencapai kematangan fizikal. Ini adalah kerana golongan pelajar perempuan ini selalunya lebih popular dikalangan pelajar lelaki dan lebih mudah terlibat dalam tingkahlaku yang melanggar batasan agama, dibandingkan dengan pelajar yang lewat mencapai kematangan fizikal.

Kajian Rohana Zubir (1974) menunjukkan bahawa pelajar di Malaysia juga menghadapi masalah dari segi kesihatan dan perkembangan fizikal, walaupun ianya tidak begitu serius dibandingkan dengan masalah lain seperti masalah pelajaran dan kerjaya.

Wang Chee Seng (1980) berpendapat bahawa perkembangan fizikal dan proses sosialisasi mempunyai korelasi positif. Lebih mantap keadaan fizikal seseorang pelajar, lebih mudah dia bergaul dengan orang lain.

Suradi Salim (1996) berpendapat bahawa faktor kesihatan merupakan faktor yang mustahak dalam proses penyesuaian pelajar kerana ia mungkin menjadi punca masalah mereka. Sesetengah kesukaran yang dihadapi oleh pelajar berpunca dari tabiat pemakanan yang tidak seimbang, kekurangan zat makanan, keadaan persekitaran rumah yang tidak baik dan status sosioekonomi yang rendah.

Seperkara yang jelas ialah, masalah kesihatan dan perkembangan fizikal merupakan salah satu masalah utama yang dihadapi oleh pelajar remaja.

2.2.2 Masalah Keluarga

Keluarga merupakan punca masalah bagi sebilangan besar remaja bersekolah masa kini. Keluarga yang kurang memberi galakan kepada perkembangan pelajar sebagai individu, boleh menjejaskan perkembangan kognitif, sosial dan psikologikal pelajar itu. Menurut Garrison (1965), suasana psikologi dan emosi dalam keluarga memainkan peranan

penting dalam perkembangan tingkahlaku pelajar. Pelajar dari keluarga yang bahagia di mana setiap ahli diterima sebagai individu yang unik, selalunya mempunyai konsep sendiri yang positif dan mudah bersosialisasi dalam masyarakat. Manakala pelajar dari keluarga yang bermasalah selalunya mempunyai tingkahlaku memberontak dan menyendiri. Pelajar seperti ini didapati lebih mudah terpengaruh dengan aktiviti yang melanggar disiplin sekolah.

Menurut Herzog, (1970), ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan perkembangan minda, sosial dan psikologi pelajar. Pelajar yang mempunyai ibu-bapa yang penyayang dan memahami, akan mempunyai nilai-nilai sosial yang baik. Pelajar yang mempunyai ibu bapa yang terlalu mengongkong, bertindak membenci sebarang peraturan di peringkat rumah dan sekolah.

Wattenberg (1973) pula berpendapat bahawa faktor-faktor lain dalam keluarga yang mempengaruhi perkembangan psikologi dan sosial pelajar ialah tahap pendidikan ibu bapa, jenis pekerjaan bapa dan juga galakan yang diberikan oleh keluarga dari segi pendidikan. Selain itu, perhubungan pelajar dengan adik beradik mereka juga merupakan faktor yang mempengaruhi perkembangan sendiri mereka.

Perkara ini turut diperbincang oleh Suradi Salim (1996). Menurut beliau, keadaan di rumah dan hubungan pelajar dengan ibu bapa mungkin menimbulkan perasaan kecewa terhadap diri pelajar itu. Mereka mungkin merasakan bahawa mereka tidak berkebolehan kerana tidak dapat memenuhi harapan ibu bapa dalam pelajaran atau

bidang lain. Keadaan yang tegang dan tidak menggembirakan di rumah, sering menghalang kemajuan mereka dalam pelajaran dan mengganggu keseimbangan mental mereka. Hasil kajian Chiam dan Nik Aziz (1982) terhadap 977 pelajar lelaki dan perempuan dari lima buah sekolah di Kuala Lumpur dan Kajang juga menunjukkan bahawa masalah paling ketara yang dihadapi oleh pelajar ini ialah masalah berkaitan dengan rumahtangga dan kasih sayang.

Yang pasti ialah, keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang remaja. Keadaan keluarga yang tidak tenang dan bermasalah akhirnya menjadikan pelajar hilang panduan dan menemui jalan buntu dalam kehidupan.

2.2.3 Masalah sosial, moral dan rakan sebaya

Pelajar di sekolah datang dari latar belakang yang pelbagai, dari segi bahasa, keturunan, agama, kedudukan sosioekonomi dan pegangan hidup. Pelajar dikehendaki menyesuaikan diri dengan bergaul, bekerja dan bermain bersama-sama rakan sebaya yang mempunyai latar belakang yang berlainan ini. Ramai pelajar mempunyai masalah dalam tingkahlaku sosial dan perhubungan sosial serta dalam memulakan persahabatan baru. (Suradi Salim, 1996).

Masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar sekarang ini sudah mencapai satu tahap yang membimbangkan. Media elektronik seperti internet membolehkan penyaluran masuk elemen-elemen budaya luar ke dalam kehidupan seharian remaja. Pelajar-pelajar

di serata dunia terlibat dalam pelbagai tingkahlaku tidak bermoral seperti merokok, menipu, mencuri, penyalahgunaan dadah dan juga dalam keganasan seperti menembak dan membunuh. Dalam satu kajian yang dijalankan di Columbia High School di Colorado, Amerika Syarikat, didapati bahawa sejak Februari 1996 sehingga April 1999, seramai 19 orang pelajar telah dibunuh oleh pelajar sekolah itu sendiri yang berumur di antara 11 hingga 18 tahun. (file:///c:/My Document/TEENAGE STREET GANGS.htm-1999/12/15). Menurut Sherif dan Sherif (1965), tingkahlaku tidak bermoral dikalangan pelajar ini adalah disebabkan mereka tidak dapat membezakan antara yang baik dan yang buruk serta kekeliruan yang berlaku di sekeliling mereka.

Selain itu, pelajar juga menghadapi masalah dari segi menyesuaikan diri dengan tekanan dan kehendak kumpulan rakan sebaya. Beberapa kajian tempatan dan di luar negeri (Willis, 1971; Wattenberg, 1973; Wang Chee Seng, 1980), menunjukkan bahawa pelajar terperangkap dalam norma dan nilai rakan sebayanya. Rakan sebaya mempengaruhi cara berpakaian, percakapan dan tindakan pelajar. Pelajar yang menjadi ahli kepada sesuatu kelompok rakan sebaya, selalunya mempunyai perasaan dipunyai dan dihormati. Manakala pelajar yang tidak diterima oleh rakan sebaya, sering merasa dirinya tidak berguna dan ini menjejaskan penyesuaian sosial dan emosi pelajar. Pendek kata, pelajar sememangnya menghadapi masalah sosial, moral dan rakan sebaya.

2.2.4 Masalah Pelajaran dan Sekolah

Selain dari keluarga, sekolah merupakan institusi sosial yang paling dekat dengan remaja. Malah sekolah sering digelar sebagai rumah kedua seorang pelajar. Banyak dapatan kajian menunjukkan bahawa remaja menghadapi pelbagai masalah menyesuaikan diri dengan sekolah dan pelajaran. Menurut Hurlock (1973), situasi sekolah menimbulkan masalah kepada pelajar kerana tekanan masyarakat dan keluarga terhadap kepentingan pelajaran. Remaja sentiasa diingatkan supaya belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan cemerlang.

Cole (1962) pula mengidentifikasi tiga perkara utama berkaitan dengan sekolah dan pelajaran, yang selalunya merisaukan dan menakutkan pelajar. Perkara-perkara itu adalah, guru sekolah, kerisauan mengenai peperiksaan dan takut bercakap di hadapan kelas. Kepada sesetengah pelajar, perkara-perkara ini menjadi masalah yang sukar ditangani.

Hargreaves (1972) dan Wattenberg (1973) berpendapat bahawa guru menentukan keberkesanan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru yang peramah dan mengambil berat tentang pelajar-pelajarnya akan mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan. Di sebaliknya, guru yang suka berleter, malas, sinis, cepat naik marah dan suka memihak kepada beberapa pelajar kesayangannya, tidak disukai oleh ramai pelajar. Malah guru seperti ini, boleh menyebabkan pelajar benci kepada sekolah.

Di Malaysia pula, dari pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar remaja, masalah berkaitan sekolah dan pelajaran merupakan masalah paling utama. Chiam (1978)

berpendapat bahawa pelajar sentiasa bimbang kerana tidak dapat menggunakan masa yang cukup untuk belajar, tidak tahu cara belajar yang berkesan dan takut mengeluarkan pendapat di kelas. Kebimbangan seperti ini, membawa kesan yang buruk kerana ia boleh menyebabkan gangguan emosi yang akhirnya membawa kepada kegagalan. Dalam kajiannya mengenai masalah pelajaran dan sosial yang dihadapi oleh 69 pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur, Saliha Haji Mohd Amin (1986) mendapati bahawa masalah dari segi pelajaran paling banyak dihadapi oleh pelajar dibandingkan dengan masalah sosial. Di antara masalah pelajaran itu, empat yang dianggap serius ialah sukar memahami buku teks, tidak tahu cara belajar yang berkesan, mendapat markah yang rendah dan sukar memahami pengajaran guru.

Tinjauan kajian-kajian dan penulisan dalam bidang ini jelas menunjukkan bahawa masalah pelajaran dan sekolah, menjadi satu masalah utama pelajar, yang jika tidak berjaya ditangani, boleh membawa kepada pelbagai kesan negatif.

2.2.5 Masalah Kerjaya

Pekerjaan seseorang menggambarkan status dirinya. Masyarakat sentiasa memberi penghormatan kepada kerjaya-kerjaya yang dianggap bertaraf tinggi seperti doktor, peguam dan jurutera. Pelajar sekolah juga mempunyai tanggapan seperti ini. Mereka tidak sedar bahawa manusia mempunyai minat, kebolehan, bakat dan potensi yang berbeza-beza dan pekerjaan yang berlainan pula memerlukan kelayakan dan kualiti individu yang berlainan. (Suradi Salim, 1996).

Pelajar menghadapi kesulitan dalam pemilihan dan persediaan untuk sesuatu kerjaya. Menurut Crow (1956), kadang-kadang pelajar memilih sesuatu kerjaya kerana desakan ibu bapa atau kerana mereka tidak tahu mengenai peluang-peluang pekerjaan lain yang wujud. Hurlock (1973) pula mendapati bahawa terdapat pelajar yang tidak tahu minat kerjayanya dan pelajar sering terpengaruh dengan 'stereotype' mengenai sesuatu pekerjaan tertentu. Sebagai contohnya, seorang saintis dianggap sebagai individu yang cerdas, ganjil dan tidak suka bersosialisasi. Manakala seorang guru pula digambarkan sebagai individu yang konservatif dan tidak bertenaga. Pelajar tidak mendapat gambaran jelas mengenai kualiti yang diperlukan bagi memasuki kerjaya-kerjaya tertentu.

Jamaliah Ahmad (1987) dalam kajiannya terhadap 400 pelajar dari kawasan bandar dan luar bandar mendapati bahawa bidang masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelajar ialah dalam bidang kerjaya. Masalah itu ialah:

- i. kekurangan pengetahuan mengenai pelbagai kerjaya
- ii. kekurangan bimbingan dalam pemilihan kerjaya
- iii. kurang latihan kerjaya
- iv. jangkaan kerjaya di masa hadapan yang kurang jelas.

Chan Meng Choo (1989) turut memperakui hal ini dengan menambah bahawa pelajar di Malaysia, terlalu ketinggalan dibandingkan dengan pelajar di negara-negara barat dari segi pengetahuan mengenai dunia pekerjaan. Akibatnya, ramai daripada mereka mensiakan bakat dan kebolehan mereka dalam pekerjaan-pekerjaan yang tidak sesuai dengan mereka. Ini merupakan satu kerugian besar kepada negara.

Sebagai kesimpulannya, bolehlah dikatakan bahawa kebanyakan pelajar menghadapi pelbagai masalah dalam memilih, merancang dan memasuki kerjaya yang sesuai dengan hati sanubari dan keupayaan mereka.

2.2.6 Masalah Kewangan

Walaupun pendidikan di kebanyakan negara adalah percuma, tetapi pelajar sekolah masih menghadapi masalah kewangan. Ini adalah kerana ada bayaran-bayaran tertentu seperti perbelanjaan membeli buku dan alat tulis, tambang kenderaan ke sekolah, yuran peperiksaan dan bayaran-bayaran khas yang lain yang membebankan pelajar dari golongan SES rendah. Pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan, selalunya menghadapi pelbagai masalah di sekolah. Disebabkan oleh tabiat pemakanan dan keadaan fizikal rumah yang tidak memuaskan, pelajar dari golongan ini, selalunya kelihatan lemah dan tidak bermaya di sekolah. Menurut Corger (1971), pelajar dari SES rendah, menghadapi masalah kesihatan yang serius yang boleh menjejaskan prestasi mereka dalam pelajaran.

Douvan dan Adelson (1966), dalam kajian mereka mendapati bahawa ibu bapa dari golongan yang kurang mampu juga kurang memberi perhatian kepada hal-hal berkaitan sekolah dan pelajaran anak-anak mereka. Ini mungkin disebabkan ibu bapa ini yang terpaksa menghabiskan masa memikirkan cara-cara untuk mencari wang bagi memenuhi keperluan-keperluan asas dalam keluarga.

Malah masalah kewangan juga mempengaruhi aspek-aspek emosi dan tingkahlaku pelajar. Menurut Breckenridge dan Vincent (1965), keadaan rumah yang tidak selesa, pakaian yang tidak mencukupi dan lain-lain kekurangan di kalangan pelajar dari SES rendah, menambah lagi kompleks rendah diri di kalangan mereka.

Kajian Keciciran yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1973) mendedahkan bahawa kadar keciciran di kalangan pelajar dari golongan SES rendah adalah lebih tinggi dibandingkan dengan pelajar dari golongan berpendapatan sederhana dan tinggi. Masalah kewangan ini begitu runcing bagi sesetengah pelajar sehingga ada di antara mereka yang tidak mampu untuk meneruskan pelajaran dan terpaksa berhenti sekolah.

Yang jelas ialah, terdapat pelajar yang menghadapi masalah kewangan dan kekurangan sumber kemudahan lain yang membantutkan peluang-peluang pendidikan bagi mereka.

2.3 Kesimpulan

Dari tinjauan kajian-kajian dan penulisan yang berkaitan jelaslah bahawa zaman remaja adalah saat kritikal yang menentukan sifat dan sikap seseorang individu di kala dewasa. Mereka menghadapi kesukaran menerima perubahan-perubahan yang berlaku pada diri mereka dari segi fizikal, emosi dan psikologi serta perubahan yang berlaku di persekitaran mereka. Pada tahap ini juga, mereka terpaksa menguasai pelbagai tugas perkembangan dalam kehidupan mereka. Mereka juga keliru dengan peranan sosial

mereka. Oleh itu, golongan ini perlu dibantu untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Walupun mereka terpisah oleh sempadan antarabangsa dan corak kebudayaan yang berbeza, remaja di seluruh dunia menghadapi masalah yang lebih kurang serupa. Masalah itu merangkumi masalah dari segi pelajaran, hubungan kekeluargaan, kesihatan dan perkembangan fizikal, kerjaya, kewangan, social, moral, agama, masalah seksual dan sebagainya. Garis perbezaan yang wujud di antara remaja barat dan timur sudah menjadi semakin tipis sekarang dengan perkembangan media elektronik yang membolehkan penyaluran ideologi dan kebudayaan satu bangsa ke satu bangsa yang lain. Maka tidak hairanlah jika pada abad baharu yang hampir menjelang akan wujud satu permasalahan remaja universal yang serupa dari pelbagai segi.

Pengkaji-pengkaji tempatan harus menyedari impak global ini dan melakukan lebih banyak kajian terhadap masalah remaja bersekolah di Malaysia supaya golongan remaja itu boleh dibantu menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia setakat ini, sama ada terhadap pelajar sekolah kerajaan (Rohana Zubir (1974), Chiam (1978, 79), Saliha Hj. Mohd Amin (1986), Jamaliah Ahmad (1987) dan juga kajian-kajian terhadap pelajar sekolah swasta (Nazirah Haji Mat (1987), Zawahil Nor (1993)), jelas menunjukkan bahawa pelajar di negara ini menghadapi pelbagai masalah yang perlu dikaji dan diselidiki, demi melahirkan satu generasi muda yang sihat, berwibawa dan mampu memimpin negara ke arah keunggulan.